

07 JUL 2000

Parlimen-Sidang

PARLIMEN BERSIDANG MULAI ISNIN INI

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Parlimen akan bersidang selama lapan hari mulai Isnin ini dan diikuti persidangan Dewan Negara selama enam hari mulai 24 Julai.

Pegawai Perhubungan Awam Parlimen Ahmad Asri Zakaria berkata Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua Parlimen ke-10 dewan Rakyat akan berlangsung selama lapan hari sehingga 20 Julai manakala Dewan Negara bersidang pada 24 Julai hingga 1 Ogos.

Kedua-dua persidangan berlangsung dari hari Isnin hingga Khamis, katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempengerusikan mesyuarat pra-majlis Dewan Rakyat dan Dewan Negara Isnin ini di Bangunan Parlimen.

Ahmad Asri berkata mesyuarat yang akan dihadiri oleh anggota Dewan Rakyat dan Dewan Negara dari Barisan Nasional itu akan berlansung pada pukul 8.30 pagi, sebelum persidangan Dewan Rakyat dimulakan pada pukul 10 pagi.

Beliau berkata enam rang undang-undang akan dibentangkan bagi bacaan kali kedua pada persidangan Dewan Rakyat kali ini iaitu Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pembubaran) 2000, Rang Undang-undang Cakera Optik 2000 dan Rang Undang-Undang Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

Tiga yang lain ialah Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2000, Rang Undang-undang Permusnahan Serangga Pembawa Penyakit (Pindaan) 2000 dan Rang Undang-undang Jualan Dadah (Pindaan) 2000.

Ahmad Asri juga berkata sebanyak 673 soalan oleh wakil-wakil rakyat dimasukkan dalam Peraturan Mesyuarat dan akan diberi jawapan lisan sementara 128 lagi soalan akan diberi jawapan bertulis.

Selain itu, menurut beliau 14 ucapan penangguhan telah diterima untuk dibahaskan.

-- BERNAMA

NZ ES LAT